

Rakyat tidak harus asingkan diri — Mahathir

KUALA KELAWANG 26 Ogos — Rakyat berbilang kaum di negara ini tidak harus mengasingkan diri hanya kerana mempunyai perbezaan pendapat antara satu sama lain, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, amalan mengasingkan diri kerana perbezaan pendapat bukan sahaja akan memecahbelahkari perpaduan kaum malah boleh memecahbelahkan pertubuhan - pertubuhan yang wujud di negara ini.

Ketika berucap pada majlis perhimpunan "*Sehati Sejiwa Seia Sekata*" di padang Majlis Daerah Jelebu di sini, beliau berkata, perpaduan kaum di negara ini dapat dibentuk melalui perundingan dan cara yang sedemikian haruslah dikekalkan.

Beliau menyifatkan perhimpunan yang dihadiri oleh kira - kira 8,000 orang daripada pelbagai kaum itu, sebagai bukti yang meniadakan tuduhan kononnya perpaduan kaum tidak wujud di negara ini.

"Sebenamya perpaduan kaum wujud di negara ini walaupun antara kita terdapat perbezaan pendapat," katanya.

Keadaan itu bukanlah sesuatu yang aneh kerana dalam satu pertubuhan yang dianggotai oleh satu kaum sekalipun, wujud perbezaan pendapat itu.

"Ini adalah naluri manusia kerana kalau kita mempunyai fikiran dan pendapat yang sama, kita tidak perlu lagi bercakap dengan orang lain kerana masing - masing sudah mengetahui apa yang ada dalam fikiran satu sama lain," katanya.

Perdana Menteri membidas tindakan sesengah ahli politik di negara ini yang sang-

gup mengasingkan diri kerana kecewa dengan kegagalan sendiri.

"Tindakan ini sangatlah tidak sesuai dengan kehendak rakyat yang mahu perpaduan wujud seperti yang ditunjukkan pada hari ini.

"Sebenamya wakil tuan - tuan (anggota Parlimen kawasan Jelebu, Datuk Rais Yatim) dipilih oleh tuan - tuan sendiri dan tuan - tuan sendiri yang menentukan nasibnya," katanya.

Sebaliknya tokoh berkenaan telah mengambil tindakan sendiri yang tidak bertanggungjawab, tanpa berunding dengan rakyat yang telah memilihnya apabila beliau gagal mencapai cita - citanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata pembangunan yang dicapai oleh negara sejak merdeka merupakan sesuatu yang istimewa berbanding dengan negara - negara lain yang mencapai kemerdekaan pada masa yang sa-

ma dengan Malaysia.

Rakyat kini semakin matang dan terus memilih pemerintah yang bertanggungjawab mengisi cita - cita rakyat seperti yang dibuktikan setiap kali pilihanraya umum diadakan.

Beliau meminta pegawai kerajaan, pihak swasta dan rakyat terus berusaha melalui konsep persyarikatan untuk membangunkan negara.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Ali untuk lawatan kali pertama ke sini disambut dengan meriah oleh para penduduk berbilang kaum termasuk sambutan secara tradisional Negeri Sembilan.

Sejurus setelah tiba di bandar ini, Datuk Sri Dr. Mahathir merasmikan perletakan batu asas "mercu tanda" peringatan sempena lawatan beliau di pancutan air Kuala Kelawang.